



ST dan SESB serbu premis sambung elektrik haram

Oleh SITI AISYAH NARUDIN
aisyahub@gmail.com

KOTA KINABALU: Suruhanjaya Tenaga (ST) dengan kerjasama Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) kelmarin menjalankan operasi pemeriksaan ke atas sebuah premis yang membua penyambungan haram bekalan elektrik.

Ketua Unit Penguatkuasaan ST, Shahidan Baharom berkata, hasil pemeriksaan mendapati dua kes penggunaan elektrik secara 'bypass' dijalankan di kilang membuat ais itu.

Menurutnya, premis terbabit mendapatkan bekalan elektrik secara terus daripada 'service line' SESB dan bukan melalui meter yang disediakan.

"Hanya 1/4 sahaja penggunaan elektrik yang direkod oleh meter SESB di premis ini dan 3/4 lagi tidak direkod.

"Implikasinya, pihak SESB mengalami

kehilangan hasil akibat aktiviti 'curi' bekalan elektrik ini," katanya kepada media semasa operasi yang dijalankan di Inanam dekat sini.

Beliau berkata, bagi membuktikan kes berkenaan, ST terpaksa merampas meter yang digunakan termasuklah kabel sebagai barang bukti.

Dalam masa sama, tambahnya, pihak SESB turut mengalami kerugian yang mana

mereka terpaksa menggantikan peralatan baru untuk dipasang di premis itu.

Shahidan berkata, pemilik dan pengguna akan diambil tindakan mengikut Seksyen 37 (1) Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447).

"Mereka boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

"Kes ini juga tidak boleh dikompaun dan tindakan hanya dijalankan melalui

mahkamah," katanya.

Selain itu, jelasnya, SESB juga akan mengeluarkan notis tuntutan bagi menuntut balik kehilangan hasil yang berlaku melalui tempoh yang telah ditentukan oleh SESB.

Beliau menjelaskan faktor keselamatan amat dititiberatkan oleh pihak ST kerana kesalahan itu boleh mendatangkan bahaya.

"Ia bukan sahaja boleh mengakibatkan gangguan bekalan elektrik di premis yang menjalankan kegiatan berkenaan, tetapi turut melibatkan premis lain yang menggunakan punca bekalan yang sama.

"Jika ia dilakukan oleh orang yang tidak berkelayakan, ia juga boleh menyebabkan berlakunya renjatan elektrik yang membahayakan diri," katanya.



KAKITANGAN SESB ketika membuat pemeriksaan semasa operasi itu.